

# Pastikan BN terus berkuasa

UM 23 FEB 1978

**KOTA BHARU 22 Feb.** - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta setiap anak Kelantan yang dahagakan pembangunan supaya memastikan kerajaan negeri ini terus dikuasai oleh Barisan Nasional dan jangan membiarkan sesiapa menjejaskannya.

Perdana Menteri berkata, beliau ingin melihat Kelantan terus maju setelah Barisan Nasional mengambil alih kerajaan negeri dalam pilihanraya 1978.

Berucap kepada 15,000 orang rakyat Kelantan yang menyambut ketibaan beliau di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Saya harap Kelantan akan mencapai kemajuan yang pesat setelah kita hentam orang lain keluar. Jangan bagi peluang orang lain bau kerusi Menteri Besar."

Perdana Menteri yang tiba untuk lawatan rasmi dua hari yakin penduduk Kelantan dapat menguasai keadaan dalam negeri ini dan tidak akan memberi peluang kepada pihak lain mengganggu kemajuan yang mereka sedang lalui.

**Bersaing**

## Kalau anak<sup>2</sup> Kelantan mahu maju lebih pesat - PM

"Saya yakin orang-orang Kelantan boleh menguasai keadaan dalam negeri ini, tidak payah khuatir orang lain datang ke sini untuk bersaing sehingga kalah orang Kelantan," tegasnya.

Kepada anak-anak muda Kelantan Datuk Sri Dr. Mahathir menasihatkan mereka supaya jangan tinggalkan negeri ini untuk mencari kerja di tempat-tempat lain khususnya di Singapura.

Katanya, Kelantan memerlukan tenaga muda mereka dalam proses pembangunannya yang sedang berjalan dengan pesat sejak kerajaan Barisan Nasional mula melaksanakan berbagai rancangan untuk membolehkan rakyat mengecip nikmat pembangunan.

"Kita mahu anak-anak Kelantan berada di sini untuk membantu pem-

angunan Kelantan. Apalah nak pergi tempat orang," katanya.

Tetapi, beliau menambah sambil bergurau: "Janganlah sampai tak pergi ke Kedah untuk tolong sama orang Kedah. Kita hendakkan juga tenaga dan fikiran orang Kelantan di tempat-tempat lain."

Pada umumnya kata Perdana Menteri, kerajaan mahukan anak-anak Kelantan berada di negeri ini untuk menolong membina Kelantan.

"Jangan takut kepada pembangunan. Pembangunan akan menjadi baik kalau kita berkeupayaan menguasainya dan saya yakin orang Kelantan dapat menguasai keadaan dalam negeri ini," tegasnya.

Perdana Menteri juga berharap setiap rakyat Kelantan akan menjalankan peranan masing-masing sekarang untuk memastikan fahaman terhadap agama Islam tidak diselewangkan oleh sesiapa.

Beliau mengingatkan, masih terdapat orang-orang yang sanggup menggigit tangan yang memberikan sesuatu nikmat kepada mereka.

Bagi golongan ini yang disifatkan sebagai penyeleweng apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan untuk kebaikan rakyat tidak pernah betul sunguhpun mereka sendiri mendapat faedah dari dasar-dasar kerajaan dalam pembangunan dan pelajaran.

### Fikiran

Beliau menambah, golongan tersebut juga menuduh kerajaan bekerjasama dengan orang-orang bukan Islam dalam usaha jahat mereka untuk meracuni fikiran rakyat semata-mata untuk kepentingan diri sendiri.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri mahu bertanggjawab dan sebagai orang-orang Islam membawa balik sesiapa juga yang telah

terpengaruh dengan dakyah yang disebarkan oleh golongan tersebut ke jalan yang benar.

Katanya, mereka yang telah terpesong itu hendaklah didampingi dan dibawa balik ke pangkal jalan sebagaimana yang disuruh oleh Islam.

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin tidak ramai rakyat Kelantan yang telah "termakan" dakyah-dakyah golongan itu walaupun mereka sentiasa mencari jalan untuk meracuni fikiran rakyat.

Beliau mengingatkan penduduk Kelantan supaya jangan terkeliru hingga membuat pilihan yang salah dan membolehkan golongan penyelewengan itu berkuasa.

"Kita telah pernah lihat bagaimana Islam disalahgunakan untuk memesongkan rakyat," katanya.

Bagaimanapun tegas beliau, kesedaran rakyat telah membuka pintu hati penduduk Kelantan untuk memilih kerajaan yang sedang memerintah sekarang dalam pilihanraya 1978.

Menurut Perdana Menteri, golongan tersebut sedang cuba lagi mengeliru dan memesongkan rakyat dan berharap penduduk Kelantan tidak akan dipengaruhi oleh dakyah-dakyah golongan itu.